

KAJIAN DALAM MEMBINA SISTEM “EZYCOUNT” DI KEDAI BLACKRINO

ROSHaida BINTI JAAFAR

(10DPM20F2010)

RACHEL A/P BERNARD

(10DPM20F2020)

NUR SYAFIQAH BINTI MUHAMMAD LATFI

(10DPM20F2050)

TANG YI DA

(10DPM20F2058)

Laporan ini dikemukakan kepada Jabatan Perdagangan sebagai

memenuhi sebahagian syarat penganugerahan

Diploma Pengajian Perniagaan

JABATAN PERDAGANGAN

SESI 1 2022/2023

AKUAN KEASLIAN DAN HAK MILIK

TAJUK : KAJIAN DALAM MEMBINA SISTEM “EZYCOUNT” DI KEDAI BLACKRINO

SESI : 1 2022/2023

1. Kami,

- a) ROSHAIDA BINTI JAAFAR (10DPM20F2010)
- b) RACHEL A/P BERNARD (10DPM20F2020)
- c) NUR SYAFIQAH BINTI MUHAMMAD LATFI (10DPM20F2050)
- d) TANG YI DA (10DPM20F2058)

Adalah pelajar Diploma Pengajian Perniagaan, Jabatan Perdagangan Politeknik Seberang Perai yang beralamat di Jalan Permatang Pauh, 13500 Permatang Pauh, Pulau Pinang.

- 2. Kami mengaku bahawa projek dalam membina sistem *EzyCount* dan harta intelek yang ada didalamnya adalah hasil karya dan reka cipta asli kami tanpa mengambil atau meniru mana-mana harta intelek daripada pihak lain.
- 3. Kami bersetuju melepaskan pemilikan harta intelek projek dalam membina sistem *EzyCount* kepada ‘Politeknik Seberang Perai’ bagi memenuhi keperluan untuk penganugerahan Diploma Pengajian Perniagaan kepada kami.

Diperbuat dan dengan sebenar-benarnya diakui

Oleh yang tersebut :

Nama : ROSHAIDA BINTI JAAFAR

No. Kad Pengenalan : 020617 – 08 – 0476

Nama : RACHEL A/P BERNARD

No. Kad Pengenalan : 020910 – 04 – 0350

Nama : NUR SYAFIQAH BINTI MUHAMMAD LATFI

No. Kad Pengenalan : 021115 – 07 – 0280

Nama : TANG YI DA

No. Kad Pengenalan : 020924 – 07 – 0251

Di hadapan saya, PUAN SARIMAH BINTI ALUAI @ ALWI sebagai penyelia projek pada tarikh 5
Disember 2022

PENGHARGAAN

Alhamdulillah syukur kehadiran Ilahi kerana dengan berkat dan nikmat serta kurniaNya dapat juga kami menyiapkan laporan yang bertajuk ‘Kajian Dalam Membina Sistem *EzyCount* Di Kedai Blackrino’. Dalam masa menyiapkan laporan ini, terdapat beberapa pemerhatian dapat dibuat.

Ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan juga jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia kami iaitu Puan Sarimah Binti Aluai @ Alwi kerana banyak membantu kami dalam semua sudut terutamanya dalam penambahbaikan ideal awal dan juga dari segi pemerhatian kajian yang telah kami laksanakan. Selain itu, penghargaan untuk Dr. Nor Hatizal Binti Amarul Shah kerana sudi memberi tunjuk ajar kepada kami sepanjang kajian ini.

Ucapan ini ditujukan juga kepada Encik Azahari pemilik Kedai Blackrino yang juga berkerjasama dengan kami hingga akhir projek dan rakan-rakan kumpulan yang telah banyak memberi kerjasama untuk menyelesaikan seluruh tugas ini. Akhir sekali, tidak lupa juga kepada kedua-dua ibu bapa kami kerana banyak memberi sokongan dan membantu kami dari segi kewangan, semangat dan moral. Kami tidak akan dapat menyelesaikan tugas kami jika beliau-beliau yang di atas tersebut tidak membantu kami. Sekian, terima kasih.

ABSTRAK

Kedai Blackrino merupakan sebuah syarikat yang menjalankan perniagaan menjual jersi dan tracksuit bertempat di Taman Bertam Indah, Kepala Batas, Pulau Pinang. Syarikat ini menggunakan kaedah manual bagi pengurusan stok iaitu dengan menulis stok keluar masuk di dalam buku. Justeru itu, telah timbul beberapa masalah seperti pengurusan masa dan ketidakcekapan pengurusan stok hingga mengakibatkan keciciran data jualan. Oleh itu, pengkaji telah membangunkan sistem *EzyCount* bagi membantu pihak kedai mengatasi masalah tersebut. Objektif kajian yang ditetapkan adalah bagi memastikan sistem *EzyCount* dapat membantu merekodkan stok keluar dan masuk, merekodkan jualan serta dapat merekod keuntungan dan kerugian setiap bulan. Bagi tujuan pembangunan kajian ini, pengkaji telah menyediakan borang analisis keperluan bagi melihat keperluan pengurusan stok kedai. Borang analisis kebolegunaan pula telah disediakan bagi melihat kebolehfungsian dan kerbekesanan sistem ini. Responden kajian terdiri dari pekerja dan pemilik kedai Blackrino. Hasil dapatan telah menunjukkan bahawa sistem ini berjaya menyelesaikan masalah yang dihadapi bagi pengurusan stok Kedai Blackrino. Kesimpulannya, kajian ini mendapati bahawa sistem *EzyCount* dapat berfungsi membantu kedai Blackrino merekod hasil jualan dan menguruskan stok dengan baik dan sistematik.

ABSTRACT

Kedai Blackrino is a company that runs the business of selling jerseys and tracksuits located in Taman Bertam Indah, Kepala Batas, Penang. This company uses a manual method for stock management, which is by writing stock in and out in a book. Therefore, several problems have arisen such as time management and inefficiency in stock management resulting in sales data being dropped. Accordingly, researchers have developed the EzyCount system to help the store overcome the problem. The objective of the study is to ensure that the EzyCount system can help record outgoing and incoming stock, record sales and be able to record profit and loss every month. To develop this study, the researcher has prepared a needs analysis form to see the needs of store stock management. A usability analysis form has been designed to see the functionality and effectiveness of this system. The study respondents consisted of employees and owners of Blackrino stores. The results of the findings have shown that this system successfully solves the problems faced by the stock management of Kedai Blackrino. In conclusion, this study found that the EzyCount system can help Blackrino stores record sales results and manage stock well and systematically.

SENARAI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	1
ABSTRAK	2
ABSTRACT	3
BAB 1 : PENGENALAN	6
1.1 Pendahuluan.....	6
1.2 Latar Belakang Kajian	7
1.3 Kaedah Analisis Data.....	7
1.4 Penyataan Masalah.....	11
1.5 Objektif Kajian.....	11
1.6 Justifikasi Kajian.....	12
1.7 Skop Kajian.....	12
1.8 Kepentingan Projek.....	13
1.9 Rumusan	13
BAB 2 : KAJIAN LAPANGAN	14
2.1 Pendahuluan.....	14
2.2 Kajian Terdahulu / Ulasan / Siasatan.....	14
2.3 Rumusan	21
BAB 3 : METODOLOGI / REKA BENTUK	22
3.1 Pendahuluan.....	22
3.2 Reka Bentuk Projek	22
3.3 Impak Produk.....	40
BAB 4 : DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN	42
4.1 Pendahuluan.....	42
4.2 Dapatan Kajian / Pengujian.....	42

4.2.1	Pencapaian objektif kajian pertama iaitu memastikan sistem <i>EzyCount</i> dapat membantu merekodkan stok keluar dan masuk	42
4.2.3	Pencapaian objektif kajian ketiga iaitu memastikan sistem <i>EzyCount</i> dapat merekod keuntungan dan kerugian setiap bulan.....	45
4.3	Hasil Dapatan Analisis Kebolegunaan.....	46
4.4	Perbincangan (Kelebihan, kekurangan, masalah yang dihadapi ketika pembangunan produk) ..	49
4.5	Kos yang terlibat	49
4.6	Rumusan	49
BAB 5 : KESIMPULAN.....		50
5.1	Pendahuluan.....	50
5.2	Kesimpulan	50
5.3	Cadangan.....	51
5.4	Limitasi Projek.....	51
5.5	Rumusan	51
RUJUKAN.....		52

BAB 1 : PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Arus kemodenan dunia, faktor penting yang memajukan manusia ialah dengan bantuan teknologi. Tanpa adanya teknologi, segala kegiatan yang dilakukan pasti akan menjadi sukar. Salah satu daripada teknologi tersebut adalah teknologi internet. Pada mulanya internet ini hanya digunakan untuk mencari maklumat. Tetapi, sebaliknya teknologi ini digubah sehingga ianya dijadikan sebagai alat bantuan untuk peniaga menguruskan perniagaan seperti pengurusan stok keluar dan masuk.

Kajian ini secara umumnya dijalankan di Kedai Blackrino yang beralamat di Taman Bertam Indah 13200 Kepala Batas, Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, kajian ini tertumpu kepada penghasilan sistem *EzyCount* yang dikendalikan oleh mereka iaitu Kedai Blackrino. Kaedah yang kini masih digunakan di Kedai Blackrino adalah kaedah secara manual iaitu dengan cara mencatat stok keluar dan masuk menggunakan buku. Perkara ini jauh daripada penggunaan sains dan teknologi. Oleh itu kajian ini dibuat untuk membawa kedai tersebut kearah yang lebih maju. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk membantu kedai tersebut merekod hasil jualan dan jumlah stok. Perusahaan ini beroperasi sebagai sebuah perusahaan yang menjual pakaian jenis jersi, track-suit yang berkualiti di pasaran. Justeru, perusahaan ini mempunyai masalah yang dapat pengkaji kaji iaitu masalah merekod dan mencatat jualan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Tujuan membuat kajian ini adalah untuk membina sistem *EzyCount* bagi memudahkan pihak tersebut untuk mengira dan merekodkan stok keluar dan masuk.

Nama perniagaan ini adalah BLACKKRINO TAMAN BERTAM INDAH dan dimiliki oleh Encik Azhari Bin Othman. Perniagaan ini terletak di 55, Lorong Bertam Indah 1, Taman Bertam Indah, 13200 Kepala Batas, Pulau Pinang. Kedai ini ditubuhkan pada JUN 2022. Syarikat ini merupakan milikan tunggal dan merupakan perniagaan yang menjalankan jualan jersi dan tracksuit yang berkualiti di pasaran.

Sistem *EzyCount* ini penting untuk Kedai Blackkrino bagi menyelaraskan aktiviti perniagaan demi mencapai maklumat dan objektif.

1.3 Kaedah Analisis Data

a) Analisis Keperluan

Kajian ini dijalankan bagi memastikan sama ada perniagaan Kedai Blackkrino memerlukan ciptaan sistem *EzyCount* daripada pengkaji atau tidak dalam membantu serta menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh pihak kedai tersebut. Oleh yang sedemikian, pengkaji telah menyediakan satu borang analisis keperluan untuk mengumpulkan masalah-masalah yang dihadapi oleh pekerja Kedai Blackkrino untuk mencipta sistem *EzyCount* dengan ciri-ciri yang diperlukan.

1.3.1 Borang Analisis Keperluan Ciri-ciri dalam Mencipta Sistem *EzyCount*

Skala	Keterangan
1	Sangat Tidak Setuju
2	Tidak Setuju
3	Kurang Setuju
4	Setuju
5	Sangat Setuju

MAKLUMAT PEMILIK					
Nama Responden : Muhammad Azhari Bin Othman					
Jantina : Lelaki					
Umur : 45 Tahun					
No. Kad Pengenalan : 770305 – 07 - 5267					
Alamat Rumah : 8 Lorong Bertam Indah 35, Taman Bertam Indah 13200 Kepala Batas					
Alamat Email : azhaeri.77@yahoo.com					
SOALAN	SKALA				
Perniagaan Kedai Blackrino sedang menggunakan kaedah buku secara manual dalam pengurusan stok	1	2	3	4	5
Pengurusan stok secara manual menjadikan satu masalah kepada Kedai Blackrino pada masa sekarang	1	2	3	4	5
Kedai Blackrino sering mengalami kehilangan stok kerana tidak mempunyai sistem yang canggih	1	2	3	4	5
Kedai Blackrino sukar untuk mengira sama ada kedai untung ataupun mengalami kerugian	1	2	3	4	5
Perniagaan Kedai Blackrino mengalami “short” stok dan wang	1	2	3	4	5

Pekerja di Kedai Blackrino sering terlupa untuk mencatat jualan didalam buku	1	2	3	4	5
--	---	---	---	---	---

MAKLUMAT PEMILIK					
Name Penuh : Muhammad Imran Aziz Bin Muhammad Syah					
Jantina : Lelaki					
Umur : 19 Tahun					
No. Kad Pengenalan : 031105 – 07 - 0280					
Alamat Rumah : 79, Lorong Bendahara 13, Kepala Batas, Pulau Pinang					
Alamat Email : imranaziz351@gmail.com					
SOALAN	SKALA				
Perniagaan Kedai Blackrino sedang menggunakan kaedah buku secara manual dalam pengurusan stok	1	2	3	4	5
Pengurusan stok secara manual menjadikan satu masalah kepada Kedai Blackrino pada masa sekarang	1	2	3	4	5
Kedai Blackrino sering mengalami kehilangan stok kerana tidak mempunyai sistem yang canggih	1	2	3	4	5
Kedai Blackrino sukar untuk mengira sama ada kedai untung ataupun mengalami kerugian	1	2	3	4	5
Perniagaan Kedai Blackrino mengalami “short” stok dan wang	1	2	3	4	5
Pekerja di Kedai Blackrino sering terlupa untuk mencatat jualan didalam buku	1	2	3	4	5

MAKLUMAT PEMILIK					
Name Penuh : Muhammad Hafiz Aiman Bin Idrus					
Jantina : Lelaki					
Umur : 19 Tahun					
No. Kad Pengenalan : 030523 – 07 - 5177					
Alamat Rumah : 6060 Permatang Tinggi C, 13200 Kepala Batas, Pulau Pinang					
Alamat Email : apacelopaiman@gmail.com					
SOALAN	SKALA				
Perniagaan Kedai Blackrino sedang menggunakan kaedah buku secara manual dalam pengurusan stok	1	2	3	4	5
Pengurusan stok secara manual menjadikan satu masalah kepada Kedai Blackrino pada masa sekarang	1	2	3	4	5
Kedai Blackrino sering mengalami kehilangan stok kerana tidak mempunyai sistem yang canggih	1	2	3	4	5
Kedai Blackrino sukar untuk mengira sama ada kedai untung ataupun mengalami kerugian	1	2	3	4	5
Perniagaan Kedai Blackrino mengalami “short” stok dan wang	1	2	3	4	5
Pekerja di Kedai Blackrino sering terlupa untuk mencatat jualan didalam buku	1	2	3	4	5

1.4 Penyataan Masalah

Hasil kajian dan perbincangan bersama pemilik Kedai Blackrino iaitu En. Azhari, pengkaji mendapati bahawa terdapat beberapa masalah yang dihadapi di Kedai Blackrino. Masalah yang pertama adalah pengurusan stok yang masih menggunakan kaedah lama iaitu dengan mencatatkan stok keluar dan masuk secara manual di dalam buku. Keadaan ini telah menyulitkan tugas pekerja untuk menulis dan mencatat setiap kali transaksi penjualan berlaku. Ekoran daripada itu, apabila kedai sedang sibuk atau semasa ramai pelanggan, akan berlakunya risiko terlupa mencatat jualan sekaligus menyebabkan berlakunya kerugian.

Selain itu, terdapat juga masalah kekurangan bilangan pekerja untuk menguruskan bahagian stok. Apabila bilangan pekerja kurang, tiada pekerja yang sempat untuk menguruskan pengiraan stok. Situasi ketidakcekapan ini berlaku kerana kedai tersebut tidak mempunyai sistem yang sistematik dan terkini untuk menguruskan stok masuk, stok keluar dan data jualan. Seterusnya, masalah kewangan juga berlaku kerana tidak dapat menggajikan pekerja yang khusus untuk menguruskan bahagian stok di kedai ini.

1.5 Objektif Kajian

Objektif penghasilan projek *EzyCount* ini adalah untuk menghasilkan sistem yang memudahkan pekerja menguruskan stok.

Berikut disenaraikan beberapa objektif yang terlibat :

1.5.1 Memastikan sistem "*EzyCount*" dapat membantu merekodkan stok keluar dan masuk

1.5.2 Memastikan sistem "*EzyCount*" dapat membantu merekodkan jualan

1.5.3 Memastikan sistem "*EzyCount*" dapat merekod keuntungan dan kerugian setiap bulan

1.6 Justifikasi Kajian

Kedai Blackrino merupakan sebuah kedai yang masih mencatat pengurusan stok melalui buku. Oleh itu, pengkaji ingin memajukan Kedai Blackrino dengan mencipta sistem *EzyCount*. Sebab memilih Kedai Blackrino adalah kerana perniagaan tersebut berpotensi untuk memasuki pasaran dengan penjualan baju jersey dan seluar track-suit yang berkualiti. Kedai Blackrino juga mempunyai masalah kekurangan pekerja untuk mengurus di bahagian stok iaitu secara manual dan ini membawa kepada masalah kewangan kerana tidak dapat membayar gaji untuk ramai pekerja. Walaupun kekurangan pekerja, dengan menggunakan sistem *EzyCount* pemilik kedai tersebut dapat menjimatkan pembayaran gaji dan pekerja mempunyai tugas yang mudah dan pantas dalam mengisi stok kedai didalam sistem *EzyCount*.

1.7 Skop Kajian

Dalam melaksanakan projek penciptaan sistem *EzyCount* bagi perniagaan Kedai Blackrino ini, pengkaji mendapati beberapa skop atau batasan. Ini adalah bertujuan untuk memastikan projek ciptaan sistem *EzyCount* ini dilaksanakan dalam skop yang telah ditetapkan. Kajian ini tertumpu kepada cara untuk menyelesaikan masalah yang berlaku di perniagaan Kedai Blackrino ini. Masalah yang berlaku ialah pengurusan stok yang masih menggunakan buku untuk membuat catatan secara manual. Perkara tersebut telah membawa satu masalah yang agak besar terutamanya kepada pekerja dalam menjalankan tugas-tugas tersebut. Pada masa yang sama, ini turut menyebabkan pekerja terlupa mencatat jualan dan berlakunya kerugian di mana pada masa puncak kedai yang mempunyai ramai pelanggan. Selain itu, perniagaan Kedai Blackrino juga menghadapi kekurangan pekerja bagi bahagian pengurusan stok dengan sistem yang tidak canggih untuk mengimbas stok masuk, stok keluar dan jualan. Jadi kajian ini dilakukan bagi mencapai projek ciptaan sistem *EzyCount* di mana ia merupakan sistem yang lebih canggih dan matang bagi memudahkan pekerja. Bukan sahaja itu, sistem ini turut akan membantu pekerja mengambil masa yang singkat dalam bahagian pengurusan stok dan juga akan dapat meningkatkan kecekapan kerja serta memuaskan keperluan pelanggan.

1.8 Kepentingan Projek

Sesuatu kajian itu perlu dilaksanakan kerana kajian adalah elemen penting bagi mengumpul data serta memastikan sesuatu sistem yang dihasilkan itu mencapai objektifnya. Kepentingan sistem *EzyCount* ini dapat membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh kedai Blackkrino dalam merekodkan hasil jualan dan stok keluar masuk. Dengan adanya *Ezycount* ini dapat menyumbang kemudahan dalam pengrekodan stok dengan lebih sistematik. Seterusnya, dapat mengelakkan daripada kerugian duit dan ketidakseimbangan stok. Ini kerana, dengan adanya sistem ini pihak kedai dapat mengesan jika duit yang masuk tidak seimbang dengan stok yang keluar. Dalam pada itu, sistem ini juga dapat memudahkan tenaga pekerja dalam mengira lebihan stok yang masih tinggal di Kedai Blackkrino. Apabila sistem ini dihasilkan, tenaga kerja tidak perlu lagi mengira satu per satu lebihan stok yang tinggal seperti dahulu.

1.9 Rumusan

Di dalam bab ini, terdapat beberapa maklumat mengenai pernyataan masalah projek dan tujuan projek ini dijalankan. Selain itu, objektif untuk menjalankan projek adalah jelas untuk membantu pekerja dan pemilik Kedai Blackkrino menguruskan stok menggunakan sistem *EzyCount* agar ia menjadi lebih mudah dan maju pada era moden. Pengkaji juga telah membuat soal selidik iaitu melalui borang kajian keperluan dan juga sesi temu-bual bersama-sama dengan pemilik dan pekerja-pekerja Kedai Blackkrino untuk mendapatkan dan mengetahui maklumat-maklumat yang lebih lanjut bagi proses ciptaan sistem *EzyCount* ini.

BAB 2 : KAJIAN LAPANGAN

2.1 Pendahuluan

Dalam melaksanakan sesuatu projek, adalah amat penting untuk menjalankan kajian tentang sistem inventori yang telah sedia ada bagi membantu menyiapkan projek. Oleh itu, bab ini menerangkan keperluan pembangunan sistem inventori peniagaan sama ada pada perniagaan yang baru dimulakan ataupun perniagaan yang telah lama menapak. Selain itu, menerangkan tentang kebaikan sistem inventori dalam sesebuah perniagaan. Pembangunan sistem inventori ini adalah berdasarkan kepada keperluan peniagaan yang dikaji. Pentingnya kajian ini adalah untuk membantu memudahkan sesuatu perniagaan itu dalam pengurusan stok, jualan dan melihat untung dan rugi.

2.2 Kajian Terdahulu / Ulasan / Siasatan

2.2.1 Membantu Merekodkan Stok Keluar & Masuk

Menurut Sopian Aji dan Dany Pratmanto (2020), Masalah pada stok barang yang mencatat pengeluaran dan kemasukan barang masih dilakukan secara manual dengan menggunakan Microsoft Excel. Penggunaan Microsoft Excel dalam mencatat pengeluaran dan kemasukan barang dikategorikan sebagai bersifat manual kerana aplikasi tersebut tidak boleh menyimpan data dan informasi secara terpusat pada suatu data, sehingga sering kali terjadi ketidaksesuaian antara informasi yang didapati serta kehilangan data yang disebabkan oleh *human error*. Proses keluar dan masuk barang juga seringkali ditemukan banyak perselisihan stok barang ketika membuat pengiraan atau perhitungan stok pada akhir bulan. Dengan membangunkan sebuah aplikasi yang canggih, catatan pengeluaran dan kemasukan barang berjalan dengan baik, informasi secara terpusat lebih efektif dan efisien serta informasi yang dihasilkan lebih tepat. Selain itu, ianya dapat menjadikan kerja pengurusan stok lebih teratur. Sistem informasi inventori atau persediaan yang akan memudahkan dalam pencatatan barang keluar dan masuk serta dalam pembuatan laporan persediaan barang untuk mempermudah dalam pengambilan keputusan.

Menurut Nindian Puspa Dewi dan Ridho Abdi Fadlillah (2021), kelebihan daripada sistem informasi pengurusan stok iaitu merekodkan stok keluar dan masuk ialah dapat membantu peramalan pembelian / pemesanan barang. Selain dapat digunakan untuk mengetahui aliran keluar masuknya barang, sistem ini juga dapat membantu pihak perusahaan untuk mengawal stok barang di perusahaan dengan memberikan saranan jumlah pembelian / pemesanan barang yang sesuai dengan hasil penjualan di beberapa bulan sebelumnya. Sistem yang berintegrasi memudahkan pemilik perusahaan untuk mengetahui keadaan kedainya iaitu tidak hanya dilihat dari stok barang tapi juga hasil penjualan dan kondisi kewangan termasuk untung dan rugi

Menurut Maulana Hasanudin (2018), Dengan semakin berkembangnya zaman, penggunaan teknologi sangat meluas. Oleh itu, kekurangan yang ada pada sistem pesanan barang yang sedang berjalan sekarang iaitu dalam pencatatan stok barang masih dihitung manual membuatkan terlupa mencatat sehingga tidak seimbang antara jumlah stok barang di catatan dengan stok yang ada. Dengan sistem stok ini, pihak pengurusan dapat bertanggungjawab terhadap pemesanan dan penerimaan barang yang dipesan. Hal ini dapat dilakukan dengan mengawasi waktu membuat pesanan, dan menjaga atau mengawasi jalannya dari apa yang dipesan. Sistem yang dibangun ini dapat mempermudah dalam proses pendataan barang masuk dan keluar yang sudah tersistem sehingga lebih mudah dalam pencarian data yang diperlukan dan dengan adanya sistem stok ini dapat mengurangi pengumpulan kertas.

Menurut Nuryasin, Alvin Handrianto Saputra, Tomi Hardi dan Irfan Fadholur (2019), Stok barang pada perusahaan sangat penting kerana daripada stok tersebut, perusahaan dapat mengelola stok barang dan memantau barang masuk dan barang keluar agar suatu perusahaan tidak mengalami kelebihan atau kekurangan barang yang akan memberikan kesan buruk pada perusahaan. Dalam melakukan penyemakan stok setiap hari, semua stok dalam gudang dan pencatatan barang masuk maupun keluar masih menggunakan buku yang akan diisi dengan jumlah persediaan barang yang masuk dan keluar kemudian diarkibkan dan dipindahkan ke Microsoft Excel untuk disimpan dan sebagai acuan untuk kemudian diolah menjadi informasi. Proses tersebut memakan waktu dan kurang efisien sehingga sering kali terjadi kesalahan dalam pencatatan, data yang kurang tepat, kekurangan dan kelebihan stok, dan menyebabkan terlambatnya proses pengeluaran. Kelewatan tersebut mengakibatkan pengguna mengalami kekecewaan dan membuatkan pengguna untuk

berpindah ke perusahaan lain. Oleh itu, sistem ini dapat membantu merekodkan stok keluar dan masuk dengan lebih cepat, tepat dan mempermudah proses pencatatan dan pengelolaan stok barangan.

Menurut Baihaqi Sukaini dan Muhaini Othman (2022) Syarikat yang mempunyai stok dalam jumlah yang besar memerlukan sebuah sistem yang efisien untuk menguruskan maklumat stok tersebut. Kegagalan dalam menguruskan maklumat stok akan menyebabkan masalah dalam syarikat terutama dalam memastikan bekalan stok yang berterusan. Sistem pengurusan inventori adalah sebuah sistem yang membantu syarikat untuk menguruskan stok yang berada di dalam inventori secara dalam talian. Sistem ini juga membantu syarikat dalam menguruskan proses menjejaki stok yang digunakan bagi memastikan tiada situasi dimana stok hilang yang tidak dapat dikenal pasti. Dengan wujudnya proses pengurusan stok, syarikat akan dapat mengetahui secara tepat jumlah barangan atau stok yang masih terdapat di dalam inventori dan sekiranya terdapat kekurangan barangan di dalam inventori, pihak syarikat akan dapat membuat pesanan barangan dengan lebih awal. Sistem inventori ini akan dapat membantu dalam proses merekod keluar masuk barang, menyimpan maklumat barang yang terdapat di dalam inventori serta membuat analisa terhadap inventori. Sistem ini berfungsi dengan merekod maklumat barang ke dalam pangkalan data yang akan dibina. Dengan menggunakan maklumat yang terdapat di dalam pangkalan data sistem akan membuat analisa terhadap barang yang selalu digunakan.

2.2.2 Membantu Merekodkan Jualan

Menurut Sabri Hussin (2005), sesebuah perniagaan itu dapat bersaing dan berkembang ke tahap yang lebih membanggakan sekiranya fungsi-fungsi pengurusan kewangan dapat dikendalikan dengan baik dan bersistematik. Kajian ini membuktikan sejauh mana tahap pengurusan kewangan bagi menerusi kemampuan merekod transaksi urusan secara sistematik, menentukan belanjawan perniagaan dan pembuatan keputusan. Amalan pengurusan kewangan yang berkesan dapat membantu dalam usaha memantau, menilai dan memberi petunjuk amaran dengan segera terhadap sebarang kesan kewangan, sebelum masalah menjadi lebih kritikal.

Menurut Zaimah Ramli dan Nurainsah Sepeai (2019), pengurusan kewangan merupakan salah satu aspek terpenting dalam menguruskan sesebuah organisasi atau firma. Pemahaman mengenai pentingnya pengurusan kewangan bagi sesebuah perniagaan dalam merekodkan hasil jualan bagi sesebuah perniagaan. Perniagaan yang baik dan terancang terhasil apabila sistem kewangan mereka yang teratur dan efisien. Kajian mengenai pengurusan kewangan ini telah ramai dilakukan oleh para penyelidik terdahulu. Perniagaan kecil memerlukan corak pengurusan kewangan yang tersendiri dalam merekodkan jualan harian mereka supaya perniagaan mereka lebih teratur. Jika pengurusan kewangan yang salah akan menyebabkan firma mengalami masalah muflis atau kerugian.

Menurut Nur Afifah Ahmad dan Norhidayah Mohamad Yusop (2021), Sebagai ejen penstabil pertumbuhan ekonomi yang paling utama di negara Malaysia, usahawan-usahawan seharusnya memiliki keupayaan dalam menguruskan kewangan mereka bagi memastikan kelestarian perniagaan mereka berterusan. Sesebuah perniagaan itu dapat bersaing dan berkembang ke tahap yang lebih membanggakan sekiranya fungsi-fungsi pengurusan kewangan dapat dikendalikan dengan baik dan sistematik. Justeru itu, didapati terdapat 15 penentu kejayaan atau kegagalan dalam perniagaan iaitu pemodal, penyimpanan rekod hasil jualan dan pengawalan kewangan, pengalaman industri, pengalaman dalam menguruskan perniagaan, kemahiran perancangan, khidmat nasihat professional, latar belakang pendidikan, pengambilan pekerja, keadaan ekonomi negara, trend pengeluaran produk dan perkhidmatan, pemasaran, latar belakang ibu bapa yang

berniaga, perniagaan perkongsian, jenis pemilikan saham dan umur usahawan ketika memulakan perniagaan.

Menurut Alia Syafiqah Zainol dan Zaimah Ramli (2019), Pengurusan kewangan amat penting dalam sesebuah sistem perniagaan yang dijalankan oleh seseorang individu atau usahawan. Hal ini disebabkan, pengurusan kewangan merupakan aspek penting untuk menguruskan sesebuah organisasi. Segala aliran keluar masuk nilai wang dicatat bagi memudahkan segala urusan diketahui sekiranya berlaku lebih pengeluaran wang. Aspek pengetahuan dan kemahiran pengurusan keusahawanan merupakan kelemahan utama kepada usahawan bumiputera. Pengetahuan memainkan peranan penting dalam menentukan pengurusan aliran tunai usahawan kerana apabila individu yang mempunyai pengetahuan hasil daripada pembelajaran pendidikan menyebabkan ilmu yang diperolehi digunakan dalam sistem perniagaan supaya dijalankan secara terancang dan tersusun.

Menurut Nurainsah Sepeai dan Zaimah Ramli (2019), pengurusan yang salah akan menyebabkan firma mengalami masalah kerugian atau mufliis. Penyimpanan rekod amat penting untuk integriti perniagaan supaya segala perkara penting tidak berlaku keciciran. Hal ini kerana, ramai usahawan tidak menitikberatkan tentang pengrekodan jualan dan stok. Oleh itu, sesebuah perniagaan akan mengalami kecelaruan dalam pengurusan perniagaan tersebut.

2.2.3 Merekod Keuntungan dan Kerugian Setiap Bulan

Menurut Nur Nadia Mohd Lazim, R. Chandrashekar dan Muhammad Ammar Shafi (2020) pengurusan inventori ataupun sistem pengurusan stok merupakan amalan merancang, mengarah dan mengawal inventori bagi menyumbang kepada keuntungan perniagaan. Kawalan inventori membolehkan sesebuah organisasi mengendali sesebuah perubahan serta ketidaktentuan dalam bekalan dan permintaan dari pelanggan. Selain itu, pengurusan inventori juga adalah fungsi utama dalam sesebuah perniagaan. Segala perubahan dalam permintaan dari pelanggan, peluang baru yang wujud oleh pasaran global serta teknologi pembuatan yang moden menyebabkan syarikat perlu menukar pengurusan inventori mereka agar lebih efektif pada masa akan datang. Oleh

itu, pengkaji membuat analisis kuantiti optimum barangan inventori dalam pengurusan sistematik. Dengan menggunakan formula model matematik pengiraan kawalan inventori dapat dihitung dari nilai belian bahan mentah data maklumat lepas syarikat. Hal ini telah membuktikan bahawa sistem pengurusan stok bukan sahaja boleh merekod keuntungan dan mengatur stok dengan sistematik tetapi juga dapat menyumbang keuntungan kepada perniagaan.

Menurut Nur Afifah Ahmad dan Norhidayah Mohamad Yusop (April 2021) perakaunan merujuk kepada kaedah simpan kira yang merekod secara sistematik urusan sesebuah perniagaan dan ianya diringkaskan serta dipersembahkan dalam bentuk penyata kewangan seperti penyata pendapatan, kunci kira-kira dan penyata aliran tunai. Kebanyakan perniagaan baharu gagal dalam tempoh 3 tahun pertama beroperasi disebabkan oleh faktor pengurusan kewangan dan pengurusan akaun atau simpan kira-kira yang lemah. Adalah penting untuk setiap usahawan mempunyai rekod yang baik bagi setiap transaksi perniagaan, pendapatan dan perbelanjaan supaya dapat mengenal pasti sama ada perniagaan tersebut mencapai keuntungan atau kerugian. Dengan itu, kajian ini terdapat banyak kelebihan apabila usahawan mengadaptasikan sistem perakaunan berkomputer ini dalam menjalankan urusan perniagaan mereka. Sistem perakaunan berkomputer amat penting dalam meningkatkan dan memajukan perniagaan. Melalui sistem ini, usahawan dapat mengetahui keuntungan yang tepat dan sebenar serta dapat meningkatkan tahap kualiti kerja mereka. Selain itu, usahawan juga dapat menilai aliran wang masuk dan keluar apabila menggunakan sistem ini.

Menurut Nur Afifah Ahmad dan Norhidayah Mohamad Yusop (November 2021) pengurusan kewangan melibatkan aktiviti atau proses menguruskan kewangan individu ataupun pertubuhan perniagaan. Ini kerana antara objektif pengurusan kewangan adalah untuk memaksimumkan keuntungan syarikat, mengukur prestasi syarikat dan membuat perancangan pelaburan serta untuk memilih sumber pembiayaan. Sesebuah perniagaan itu akan dapat bersaing dan berkembang ke tahap yang lebih membanggakan sekiranya fungsi-fungsi pengurusan kewangan dapat dikendalikan dengan baik dan bersistematik. . Justeru itu, dari kajian ini, didapati terdapat 15 penentu kejayaan atau kegagalan dalam perniagaan iaitu pemodalan, penyimpanan rekod dan pengawalan kewangan, pengurusan stok, pengalaman dalam menguruskan perniagaan, kemahiran

perancangan, dan sebagainya. Amalan pengurusan kewangan yang berkesan akan membantu dalam usaha memantau, menilai dan memberi petunjuk amaran dengan segera terhadap sebarang kesan kewangan, sebelum masalah menjadi kritikal

Menurut Sharifah Norhafiza bt Syed Ibrahim (2004) salah satu cara untuk memastikan mereka tidak gagal adalah pengurusan rekod kewangan yang lengkap. Ini mudah untuk dicapai sekiranya mereka menggunakan sistem perakaunan. Kaji selidik ini juga menunjukkan kemungkinan ramai perniagaan kecil di Jengka tidak menggunakan amalan perakaunan yang lengkap. Walau bagaimanapun mereka mengakui kepentingan menggunakan perakaunan kepada perniagaan mereka.

Menurut Zuria Fatmi Mohamed dan Hartini Jaafar (2022) kebelakangan ini Industri 4.0 telah menjadi suatu konsep yang sangat penting yang mana telah mentransformasi proses manual dan fizikal kepada era digitalisasi yang merupakan kolaborasi holistik di seluruh jabatan, produk, vendor, pemegang saham, dan pelanggan. Antara tonggak utama Industri 4.0 adalah penerapan Pengkomputeran Awan (Cloud Computing), yang dikatakan dapat membantu perniagaan untuk menyesuaikan diri dalam perubahan teknologi 4.0, di samping dapat mengoptimumkan proses perniagaan (Page, 2017). Perakaunan Awan tidak lagi memerlukan akauntan untuk menyimpan dan mengurus rekod simpanan secara manual. Transformasi digital ini merangkumi keseluruhan kitaran perniagaan dan rantai bekalan seperti reka bentuk, penjualan, kualiti inventori, penjadualan, perkhidmatan pelanggan, keuntungan dan kerugian perniagaan dan perakaunan. Peralihan dari amalan perakaunan tradisional ke perakaunan berasaskan awan dalam organisasi di Malaysia diharapkan dapat mendorong kepada pengurusan fiskal yang lebih cekap dan berkesan dan juga menjana pelaporan kewangan yang lebih baik. Ini seterusnya akan membawa kepada peningkatan ketelusan dan kebertanggungjawaban.

2.3 Rumusan

Secara keseluruhannya, bab dua telah membicarakan objektif pembangunan sistem inventori yang mendapat sokongan daripada jurnal-jurnal yang tertera diatas. Antara objektif tersebut ialah membantu merekodkan stok keluar dan masuk. Kegagalan menguruskan stok akan menyebabkan masalah didalam syarikat. Objektif seterusnya ialah membantu merekodkan jualan. Pemahaman mengenai pentingnya pengurusan kewangan dalam merekodkan hasil jualan di dalam sesuatu perniagaan dapat memberikan impak positif supaya sistem kewangan teratur dan efisien. Akhir sekali, dapat merekod keuntungan dan kerugian setiap bulan. Pengurusan sistem inventori yang baik dapat menyumbangkan kepada keuntungan perniagaan. Jadi didapati sistem inventori mampu membantu pengurusan sesebuah perniagaan menjadi lebih efisien.

BAB 3 : METODOLOGI / REKA BENTUK

3.1 Pendahuluan


Bab ini akan menerangkan tentang kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini. Pertama, kajian ini akan menerangkan tentang reka bentuk projek. Kemudian penjelasan mengenai kaedah penghasilan projek, kaedah analisis dan impak produk. Di samping itu, ialah analisis kewangan untuk projek yang dihasilkan iaitu sistem *EzyCount*. Sistem yang dihasilkan kemudiannya dikaji pengguna dengan melakukan analisis. Analisis yang digunakan dalam menghasilkan sistem ini adalah analisis keperluan dan kebolegunaan

3.2 Reka Bentuk Projek


3.2.1 Kaedah Penghasilan Projek

Masalah yang dihadapi oleh Kedai Blackrino telah memberikan idea kepada pengkaji untuk mencipta sistem *EzyCount*. Masalah yang Kedai Blackrino hadapi adalah pengurusan stok yang masih menggunakan buku. Hal ini menyebabkan hasil jualan dan stok tidak seimbang atau mengalami kerugian (short). Oleh itu, sistem *EzyCount* merupakan satu alternatif kepada arah penambahbaikan bagi merekod stok keluar dan masuk, hasil jualan dan keuntungan Kedai Blackrino. Dalam proses penghasilan sistem *EzyCount*, terdapat beberapa langkah yang perlu dijalankan iaitu seperti berikut :

Carta Alir Projek Inovasi Sistem *EzyCount*



Langkah 1 : Perbincangan Tajuk Kajian Ahli Kumpulan Bersama Penyelia



Perbincangan tajuk projek pengkaji bersama penyelia Puan Sarimah Aluai@Alwi. Seterusnya, memilih tajuk kajian mengikut panduan model bas-f. Model bas-f terdiri daripada brainstorming, afiniti diagram, smart analysis, force ranking dan tajuk kajian. Selepas itu, pengkaji-pengkaji membentangkan tajuk kajian kepada penyelia dan pensyarah kursus. Pengkaji 1 mencadangkan masalah pengurusan stok yang masih menggunakan buku di Kedai Blackrino. Pengkaji 2 mencadangkan masalah pelanggan perlu membawa wang tunai terlalu banyak ke Ann Steamboat & Grill House. Manakala pengkaji 3 mencadangkan masalah sijil-sijil program pelajar tidak mempunyai cetakan nama masing-masing dan pengkaji 4 mencadangkan masalah pekerja perlu mengambil masa yang lama untuk memulakan kerja mereka di kilang Mattel. Oleh itu, tajuk yang dipilih oleh penyelia dan pensyarah kursus adalah daripada pengkaji 1 dan terbentuklah tajuk “Kajian Dalam Membina Sistem *EzyCount* Di Kedai Blackrino”.

Langkah 2 : Tinjauan Analisis Keperluan


Satu tinjauan analisis keperluan dijalankan bagi memastikan sama ada perniagaan Kedai Blackrino memerlukan ciptaan sistem *EzyCount* daripada pengkaji atau tidak dalam membantu serta menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh pihak kedai tersebut. Oleh yang sedemikian, pengkaji telah menyediakan satu borang analisis keperluan untuk mengumpulkan masalah-masalah yang dihadapi oleh pekerja Kedai Blackrino untuk mencipta sistem *EzyCount* dengan ciri-ciri yang diperlukan. Soalan pertama ialah perniagaan Kedai Blackrino sedang menggunakan kaedah buku secara manual dalam pengurusan stok. Untuk soalan kedua, pengurusan stok secara manual menjadikan satu masalah kepada Kedai Blackrino pada masa sekarang manakala soalan ketiga, Kedai Blackrino sering mengalami kehilangan stok kerana tidak mempunyai sistem yang canggih. Soalan seterusnya, Kedai Blackrino sukar untuk mengira sama ada kedai untung ataupun mengalami kerugian dan soalan kelima perniagaan Kedai Blackrino mengalami “short” stok dan wang. Soalan terakhir ialah pekerja di Kedai Blackrino sering terlupa untuk mencatat jualan didalam buku. Borang analisis keperluan seperti dibawah.

Skala	Keterangan
1	Sangat Tidak Setuju
2	Tidak Setuju
3	Kurang Setuju
4	Setuju
5	Sangat Setuju

Responden 1 :				
SOALAN	SKALA			
Perniagaan Kedai Blackrino sedang menggunakan kaedah buku secara manual dalam pengurusan stok				
Pengurusan stok secara manual menjadikan satu masalah kepada Kedai Blackrino pada masa sekarang				

Kedai Blacrino sering mengalami kehilangan stok kerana tidak mempunyai sistem yang canggih					
Kedai Blackrino sukar untuk mengira sama ada kedai untung ataupun mengalami kerugian					
Perniagaan Kedai Blackrino mengalami “short” stok dan wang					
Pekerja di Kedai Blackrino sering terlupa untuk mencatat jualan didalam buku					


Langkah 3 : Pembangunan Rangka Tindak EzyCount

Pelajar	Penyelia	Pemilik Perniagaan
Sistem <i>EzyCount</i> dihantar dan diserahkan kepada penyelia dan pemilik Kedai Blackrino untuk mengetahui sama ada mereka berpuas hati dengan sistem <i>EzyCount</i>	Penyelia telah menerima dan menyemak sistem <i>EzyCount</i> . Kemudiannya berpuas hati dengan sistem yang dihasilkan	Menyemak penyerahan sistem <i>EzyCount</i> 

Langkah 4 : Pembangunan Prototaip, Model & Antara Muka Sistem *EzyCount*


Proses 1

Pada proses pertama, pekerja atau pemilik Kedai Blackrino perlu log masuk ke dalam sistem *EzyCount* dengan memasukkan nama pengguna dan kata laluan yang telah diberikan




Proses 2

Kemudian, halaman hadapan sistem *EzyCount* akan dipaparkan. Pada halaman hadapan, terdapat beberapa ciri untuk menunjukkan jumlah jualan, jumlah belian dan sebagainya




Proses 3

Proses ketiga ialah untuk menambahkan stok masuk. Pertama sekali, pekerja atau pemilik Kedai Blackrino perlu menekan butang “add purchase” dan “+ add new product”



Kemudiannya, paparan di bawah akan dipaparkan dan boleh isi nama produk, unit, kategori, penerangan produk, jenama, barcode, dan sub kategori



Proses 4

Proses keempat ialah untuk merekodkan stok keluar sekaligus merekodkan jualan iaitu dengan menekan butang +add. Kemudian, bilangan stok dan jualan akan dicatatkan di dalam sistem.

The screenshot shows the EzyCount 'Sales' interface. The sidebar on the left includes options like Home, User Management, Contacts, Products, Purchases, and Sell. The main area is titled 'Sales' and features a 'Filters' section with dropdown menus for Business Location, Customer, Payment Status, Date Range, User, and Shipping Status. Below the filters is a table titled 'All sales' with a '+ Add' button highlighted by a red circle with the number 1. The table has columns for Action, Date, Invoice No., Customer name, Contact Number, Location, Payment status, Payment Method, Total amount, Total paid, Sell Due, Sell Return Due, and Shipping Status. A red circle with the number 2 highlights the table area, which currently shows 'No data available in table' and a 'Total' row with values of RM 0.00 for several columns.

Proses 5


Selepas merekodkan stok keluar, stok masuk dan hasil jualan, untung/rugi perniagaan akan dicatat di dalam sistem *EzyCount*

The screenshot shows the EzyCount 'Profit / Loss Report' interface. The sidebar on the left includes options like Home, User Management, Contacts, Products, Purchases, Sell, and Reports. The main area is titled 'Profit / Loss Report' and contains a table with various financial metrics and their values, all showing RM 0.00. The table is organized into two columns of metrics.

Metric	Value
Opening Stock (By purchase price):	RM 0.00
Opening Stock (By sale price):	RM 0.00
Total purchase: (Exc. tax, Discount)	RM 0.00
Total Stock Adjustment:	RM 0.00
Total Expense:	RM 0.00
Total purchase shipping charge:	RM 0.00
Purchase additional expenses:	RM 0.00
Total transfer shipping charge:	RM 0.00
Total Sell discount:	RM 0.00
Total customer reward:	RM 0.00
Total Sell Return:	RM 0.00
Closing stock (By purchase price):	RM 0.00
Closing stock (By sale price):	RM 0.00
Total Sales: (Exc. tax, Discount)	RM 0.00
Total sell shipping charge:	RM 0.00
Sell additional expenses:	RM 0.00
Total Stock Recovered:	RM 0.00
Total Purchase Return:	RM 0.00
Total Purchase discount:	RM 0.00
Total sell round off:	RM 0.00

Langkah 5 : Ujilari Sistem *EzyCount*

Penemuan Kelemahan Dalam Sistem *Ezycount*



Pada mulanya, sistem *EzyCount* mempunyai 9 Halaman iaitu :

1. Home
2. User Management
3. Contacts
4. Products
5. Purchases
6. Sell
7. Report
8. Notification Templates
9. Setting

Kesemua halaman dapat digunakan dan tidak mempunyai sebarang masalah. Tetapi hasil daripada perbincangan dengan pemilik Kedai Blackrino iaitu Encik Azhari, beliau meminta untuk pengkaji menambahkan satu halaman baru iaitu Expenses. Hal ini merupakan salah satu kelemahan kerana sukar bagi mereka melihat perbelanjaan harian. Oleh itu, dengan tambahan halaman tersebut dapat memudahkan mereka melihat perbelanjaan hari demi hari dan juga untung / rugi bulanan yang ditambah perbelanjaan.

Langkah 6 : Penambahbaikan Sistem Ezycount

Hasil daripada perbincangan bersama Encik Azhari, terdapat penambahbaikan yang telah dilaksanakan berdasarkan kelemahan di bawah iaitu sukar untuk melihat perbelanjaan harian dan bulanan. Oleh itu, pengkaji telah menambah satu lagi butang atau ciri di dalam sistem *EzyCount* iaitu “Expenses”. Dengan adanya butang tersebut, ia dapat membantu merekod untung/rugi perniagaan dengan lebih tepat

KELEMAHAN	PENAMBAHBAIKAN
Sukar untuk melihat perbelanjaan harian dan bulanan	 <p>Halaman Expenses didalam sistem <i>EzyCount</i> telah berjaya di tambah</p>

Langkah 7 : Tinjauan Kebolegunaan Sistem *EzyCount*

Satu tinjauan analisis kebolegunaan dijalankan bagi memastikan sama ada sistem *EzyCount* dapat digunakan atau tidak dalam membantu serta menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh pihak Kedai Blackrino. Oleh yang sedemikian, pengkaji telah menyediakan satu borang analisis kebolegunaan untuk mengetahui sama ada sistem *EzyCount* berkesan untuk merekodkan stok keluar/masuk, merekod hasil jualan dan merekod untung/rugi perniagaan. Soalan pertama yang ditanya adalah sistem *EzyCount* mempunyai butang jumlah pembelian (Total Purchase) untuk melihat stok keluar dan masuk. Soalan kedua, sistem *EzyCount* menyelesaikan masalah kehilangan stok keluar dan masuk. Selain itu, sistem *EzyCount* ini membolehkan Kedai Blackrino untuk mengatur pembelian stok bulanan dengan tepat dan mudah juga ditanya dalam soalan seterusnya. Soalan keempat, sistem *EzyCount* ini tidak memerlukan kiraan stok secara manual manakala soalan kelima, sistem *EzyCount* ini dapat menyimpan data hasil jualan (All Sales) Kedai Blackrino setiap hari. Di samping itu, soalan seterusnya, sistem *EzyCount* ini mempunyai butang (Total Sales) yang mudah untuk dipakai bagi merujuk hasil jualan dari semasa ke semasa. Soalan ketujuh, sistem *EzyCount* dapat mengelakkan berlakunya “short” duit kerana mempunyai ciri-ciri seperti (Total Sales) dan (Total Purchase). Soalan kelapan, sistem *EzyCount* boleh mengira hasil jualan yang telah ditolak diskaun. Soalan kesembilan, butang untung / rugi (Profit / Loss) dapat digunakan untuk melihat keuntungan dan kerugian perniagaan Kedai Blackrino. Soalan kesepuluh untung / rugi kasar (Gross Profit / Loss) dapat dilihat di dalam system *EzyCount*. Soalan seterusnya, sistem *EzyCount* boleh merekodkan keuntungan dan kerugian dengan tepat dan soalan terakhir sistem *EzyCount* boleh mengira jualan bersih / rugi bersih (Net Sales/Loss). Borang analisis kebolegunaan boleh dilihat seperti dibawah.

Skala	Keterangan
1	Sangat Tidak Setuju
2	Tidak Setuju
3	Kurang Setuju
4	Setuju
5	Sangat Setuju

Responden 1 :					
SOALAN			SKALA		
Objektif 1 : Memastikan sistem EzyCount dapat membantu merekodkan stok keluar dan masuk					
Sistem <i>EzyCount</i> mempunyai butang jumlah pembelian (Total Purchase) untuk melihat stok keluar dan masuk					
Sistem <i>EzyCount</i> menyelesaikan masalah kehilangan stok keluar dan masuk					
Sistem <i>EzyCount</i> ini membolehkan Kedai Blackrino untuk mengatur pembelian stok bulanan dengan tepat dan mudah					
Sistem <i>EzyCount</i> ini tidak memerlukan kiraan stok secara manual					
Objektif 2 : Memastikan sistem EzyCount dapat membantu merekodkan jualan					
Sistem <i>EzyCount</i> ini dapat menyimpan data hasil jualan (All Sales) Kedai Blackrino setiap hari					
Sistem <i>EzyCount</i> ini mempunyai butang (Total Sales) yang mudah untuk dipakai bagi merujuk hasil jualan dari semasa ke semasa					
Sistem <i>EzyCount</i> dapat mengelakkan berlakunya “short” duit kerana mempunyai ciri-ciri seperti (Total Sales) dan (Total Purchase)					
Sistem <i>EzyCount</i> boleh mengira hasil jualan yang telah ditolak diskaun					
Objektif 3 : Memastikan sistem EzyCount dapat membantu merekodkan keuntungan dan kerugian setiap bulan					

Butang untung / rugi (Profit / Loss) dapat digunakan untuk melihat keuntungan dan kerugian perniagaan Kedai Blackrino					
Untung / Rugi Kasar (Gross Profit / Loss) dapat dilihat di dalam system EzyCount					
Sistem <i>EzyCount</i> boleh merekodkan keuntungan dan kerugian dengan tepat					
Sistem <i>EzyCount</i> boleh mengira jualan bersih / rugi bersih (Net Sales/Loss)					

3.2.2 Kaedah Analisis Data

Kajian ini akan dijalankan untuk menilai keberkesanan sistem yang dibangunkan iaitu dengan mengedarkan soal kaji selidik melalui kaedah Google Form kepada pekerja dan pemilik Kedai Blackrino yang terlibat dengan pengurusan secara manual. Kaji selidik ini berlangsung pada September 2022. Statistik data daripada soal kaji selidik akan dikumpul dan disenaraikan di jadual (rujukan di bawah). Kajian ini membantu untuk membuat kesimpulan tentang kekerapan penggunaan sistem *EzyCount*

a) Analisis Keperluan

Skala	Keterangan
1	Sangat Tidak Setuju
2	Tidak Setuju
3	Kurang Setuju
4	Setuju
5	Sangat Setuju

Responden :					
SOALAN	SKALA				
Perniagaan Kedai Blackrino sedang menggunakan kaedah buku secara manual dalam pengurusan stok					
Pengurusan stok secara manual menjadikan satu masalah kepada Kedai Blackrino pada masa sekarang					
Kedai Blacrino sering mengalami kehilangan stok kerana tidak mempunyai sistem yang canggih					
Kedai Blackrino sukar untuk mengira sama ada kedai untung ataupun mengalami kerugian					

Perniagaan Kedai Blackrino mengalami “short” stok dan wang					
Pekerja di Kedai Blackrino sering terlupa untuk mencatat jualan didalam buku					

b) Analisis Kebolehgunaan

Satu tinjauan analisis kebolehgunaan dijalankan bagi memastikan sama ada sistem *EzyCount* dapat digunakan atau tidak dalam membantu serta menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh pihak Kedai Blackrino. Oleh yang sedemikian, pengkaji telah menyediakan satu borang analisis kebolehgunaan untuk mengetahui sama ada sistem *EzyCount* berkesan untuk merekodkan stok keluar/masuk, merekod hasil jualan dan merekod untung/rugi perniagaan.

Skala	Keterangan
1	Sangat Tidak Setuju
2	Tidak Setuju
3	Kurang Setuju
4	Setuju
5	Sangat Setuju

Responden :					
SOALAN			SKALA		
Objektif 1 : Memastikan sistem EzyCount dapat membantu merekodkan stok keluar dan masuk					
Sistem <i>EzyCount</i> mempunyai butang jumlah pembelian (Total Purchase) untuk melihat stok keluar dan masuk					
Sistem <i>EzyCount</i> menyelesaikan masalah kehilangan stok keluar dan masuk					
Sistem <i>EzyCount</i> ini membolehkan Kedai Blackrino untuk mengatur pembelian stok bulanan dengan tepat dan mudah					

Sistem <i>EzyCount</i> ini tidak memerlukan kiraan stok secara manual					
Objektif 2 : Memastikan sistem EzyCount dapat membantu merekodkan jualan					
Sistem <i>EzyCount</i> ini dapat menyimpan data hasil jualan (All Sales) Kedai Blackrino setiap hari					
Sistem <i>EzyCount</i> ini mempunyai butang (Total Sales) yang mudah untuk dipakai bagi merujuk hasil jualan dari semasa ke semasa					
Sistem <i>EzyCount</i> dapat mengelakkan berlakunya “short” duit kerana mempunyai ciri-ciri seperti (Total Sales) dan (Total Purchase)					
Sistem <i>EzyCount</i> boleh mengira hasil jualan yang telah ditolak diskaun					
Objektif 3 : Memastikan sistem EzyCount dapat membantu merekodkan keuntungan dan kerugian setiap bulan					
Butang untung / rugi (Profit / Loss) dapat digunakan untuk melihat keuntungan dan kerugian perniagaan Kedai Blackrino					
Untung / Rugi Kasar (Gross Profit / Loss) dapat dilihat di dalam system <i>EzyCount</i>					
Sistem <i>EzyCount</i> boleh merekodkan keuntungan dan kerugian dengan tepat					
Sistem <i>EzyCount</i> boleh mengira jualan bersih / rugi bersih (Net Sales/Loss)					

c) Analisis Swot

<p style="text-align: center;"><u>KEKUATAN</u></p> <p>Kekuatan sebuah produk adalah sumber daya dan kemampuan yang boleh digunakan sebagai asas untuk membangunkan keunggulan kompetitif. Contoh kekuatan <i>EzyCount</i>:</p> <ul style="list-style-type: none">• Sistem ini dapat membantu menguruskan stok keluar masuk dengan rapi dan sistematik	<p style="text-align: center;"><u>KELEMAHAN</u></p> <p>Kelemahan merupakan faktor dalaman yang boleh menjejaskan objektif dan pengurusan organisasi tersebut. Oleh itu, sistem <i>EzyCount</i> mempunyai kelemahan iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none">• Sistem <i>EzyCount</i> memerlukan internet untuk membukanya
<p style="text-align: center;"><u>PELUANG</u></p> <p>Analisis persekitaran luaran boleh mendedahkan peluang baru untuk keuntungan dan pertumbuhan produk <i>EzyCount</i>. Beberapa contoh peluang tersebut merangkumi berikut:</p> <ul style="list-style-type: none">• Berpotensi untuk dijual kepada perniagaan lain	<p style="text-align: center;"><u>ANCAMAN</u></p> <p>Perubahan persekitaran luaran juga boleh hadir ancaman bagi sesuatu perniagaan. Antara contoh ancaman tersebut ialah:</p> <ul style="list-style-type: none">• Mudah di godam oleh pihak luar atau pihak ketiga

d) 4P'S Analisis

i. Produk (Product)

Sistem *EzyCount* merupakan sistem yang dapat merekodkan stok keluar dan masuk. Sistem ini akan membantu sesebuah perniagaan itu untuk membuat perancangan jika perlu memesan stok yang baru. Selain itu, sistem *EzyCount* juga dapat merekodkan transaksi jualan barangan. Akhir sekali, sistem ini juga boleh merekod keuntungan jualan atau kerugian sesebuah perniagaan itu dalam sebulan

ii. Nilai (Price)

Sistem *EzyCount* ini akan dijual pada harga RM300 kepada peniaga yang mengalami masalah yang sama seperti Kedai Blackrino iaitu merekod stok keluar dan masuk menggunakan buku iaitu secara manual.

iii. Promosi (Promotion)

Sistem *EzyCount* merupakan sebuah aplikasi yang mudah digunakan untuk peniaga. Oleh itu, pengkaji mempromosikan sistem ini kepada mereka secara atas talian. Pengkaji menggunakan platform media sosial seperti Instagram dan Facebook untuk mempromosikan *EzyCount*.

iv. Lokasi (Place)

Sistem *EzyCount* pada asalnya dibina khas kepada Kedai Blackrino yang mengalami masalah pengurusan stok. Oleh itu, pengkaji berhasrat ingin menjual kepada perniagaan yang mempunyai masalah yang sama di Kepala Batas, Pulau Pinang. Sekiranya berlaku kesulitan dalam penggunaan sistem *EzyCount*, salah seorang pengkaji akan membantu menyelesaikan kerana lokasi tersebut berdekatan dengan rumah pengkaji tersebut.

3.3 Impak Produk

Inovasi sistem *EzyCount* diperincikan kepada tiga (3) bentuk impak daripada sistem yang dihasilkan bagi menyelesaikan permasalahan kajian. Berikut adalah penjelasan impak mengikut sub topik perbincangan

i. Impak Produk Terhadap Kedai Blackrino.

Penghasilan sistem ini telah membantu pihak kedai dalam menyelesaikan masalah untuk merekodkan hasil jualan mereka dan juga dalam merekod stok keluar dan masuk. Hal ini kerana, ia dapat memudahkan pihak kedai dalam mengenalpasti masalah kerugian dan keuntungan setiap bulan.

ii. Impak Produk Terhadap Masa.

Penggunaan sistem *EzyCount* ini telah banyak membantu pihak Kedai BlackRino ke arah penjimatan masa dari segi mengira satu per satu stok keluar dan masuk berbanding dengan sebelumnya. Sebelum ini pihak kedai tersebut memerlukan banyak masa dalam pengiraan hasil jualan mereka secara manual dengan menggunakan buku.

iii. Impak Produk Terhadap Tenaga.

Penggunaan sistem *EzyCount* telah membantu ke arah penjimatan tenaga pekerja dari segi pengurusan berbanding dengan keadaan sebelum ini yang menyebabkan keciciran jumlah hasil jualan. Hal ini kerana, wujudnya sistem lebih meringankan tugas pekerja dalam mengira stok keluar masuk.

3.4 Rumusan

Kesimpulannya, pada bab ini lebih menfokuskan kepada rekabentuk produk, kaedah-kaedah penghasilan produk, kaedah analisis dan impak produk. Analisis bagi keberkesanan produk serta kos-kos yang terlibat dalam penghasilan produk ini. Akhirnya pada bab ini juga, kami telah berjaya menghasilkan pelbagai analisis bagi memastikan sistem ini diterima oleh pemilik kedai dan pekerja perniagaan Kedai Blackrino.

BAB 4 : DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.1 Pendahuluan

Bab ini akan menerangkan tentang analisis projek perniagaan dan dapatan kajian. Kajian ini akan menerangkan tentang dapatan kajian, kelebihan sistem, kekurangan sistem dan masalah dalam penghasilan sistem. Ujikaji-ujikaji yang dijalankan melibatkan pencapaian objektif kajian satu, dua dan tiga. Seterusnya, ialah analisis kewangan untuk projek yang dihasilkan iaitu kos yang terlibat serta masa yang diambil untuk membangunkan sistem ini.

4.2 Dapatan Kajian / Pengujian


EzyCount yang telah kami sediakan ini memudahkan pemilik Kedai Blackrino untuk merekod hasil jualan, merekod stok keluar dan masuk serta merekod hasil keuntungan dan kerugian setiap bulan. Dengan adanya sistem ini, pemilik dan pekerja Kedai Blackrino tidak perlu mencatat secara manual. Selain itu, pemilik kedai tidak perlu lagi bimbang tentang keciciran stok dan hasil jualan kerana segala data perniagaan direkodkan dalam sistem tersebut.

4.2.1 Pencapaian objektif kajian pertama iaitu memastikan sistem *EzyCount* dapat membantu merekodkan stok keluar dan masuk


Pertama sekali, pekerja atau pemilik Kedai Blackrino perlu menekan butang “add purchase” dan “+ add new product” untuk menambahkan stok masuk

The screenshot displays the 'Add Purchase' form in the EzyCount application. The form includes fields for Supplier, Reference No., Purchase Date, Purchase Status, Address, Business Location, Pay term, and Attach Document. A search bar is present with the text 'Import Products' and 'Enter Product name / SKU / Scan bar code'. A red box highlights the '+ Add new product' button. Below the form is a table with columns: #, Product Name, Purchase Quantity, Unit Cost (Before Discount), Discount Percent, Unit Cost (Before Tax), Line Total, Profit Margin %, and Unit Selling Price (Inc. tax). The table is currently empty. At the bottom right of the table, it shows 'Total Items: 0.00' and 'Net Total Amount: 0.00'.

Kemudiannya, paparan di bawah akan dipaparkan dan boleh isi nama produk, unit, kategori, penerangan produk, jenama, barcode, dan sub kategori




Selepas di isi, stok masuk akan dicatat seperti anak panah di bawah. Pemilik dan pekerja di Kedai Blackrino telah menggunakannya dan ianya berkesan untuk merekod stok masuk




4.2.2 Pencapaian objektif kajian kedua iaitu memastikan sistem *EzyCount* dapat membantu merekodkan jualan

Seterusnya, ialah untuk merekodkan stok keluar sekaligus merekodkan jualan iaitu dengan menekan butang +add. Kemudian, bilangan stok dan jualan akan dicatatkan di dalam sistem.



The screenshot shows the EzyCount Sales interface. The left sidebar contains navigation options: Home, User Management, Contacts, Products, Purchases, and Sell. The Sell menu is expanded, showing options like All sales, Add Sale, List POS, POS, Add Draft, List Drafts, Add Quotation, List quotations, List Sell Return, Shipments, Discounts, and Import Sales. The main area is titled 'Sales' and features a 'Filters' section with dropdowns for Business Location, Customer, Payment Status, Date Range, User, and Shipping Status. A '+Add' button is highlighted with a red box and a red circle containing the number '1'. Below the filters, there are options to show 25 entries and buttons for Export to CSV, Export to Excel, Print, Column visibility, and Export to PDF. A table is displayed with columns: Action, Date, Invoice No., Customer name, Contact Number, Location, Payment status, Payment Method, Total amount, Total paid, Sell Due, Sell Return Due, and Shipping Status. The table is currently empty, showing 'No data available in table'. A 'Total' row at the bottom shows values: RM 0.00, RM 0.00, RM 0.00, and RM 0.00.

Anak panah dibawah menunjukkan rekod jualan dan stok keluar telah direkod didalam sistem *EzyCount*. Pemilik dan pekerja di Kedai Blackrino telah menggunakannya dan ianya berkesan untuk merekod hasil jualan



The screenshot shows the EzyCount Sales interface with a single sales record. The '+Add' button is still visible. The table now contains one entry: 11/10/2022 21:27, Invoice No. 0001, Customer name Walk-In Customer, Contact Number stock-management, Location stock-management, Payment status Paid, Payment Method Cash, Total amount RM 25.00, Total paid RM 25.00, Sell Due RM 0.00, and Sell Return Due. A red arrow points to the 'Paid' status. Below the table, a 'Total' row shows: Paid - 1, Cash - 1, RM 25.00, RM 25.00, and RM 0.00. The interface also shows 'Showing 1 to 1 of 1 entries' and navigation buttons for Previous, 1, and Next.

4.2.3 Pencapaian objektif kajian ketiga iaitu memastikan sistem *EzyCount* dapat merekod keuntungan dan kerugian setiap bulan

Selepas merekodkan stok keluar, stok masuk dan hasil jualan, untung/rugi perniagaan akan dicatat di dalam sistem *EzyCount*. Pemilik dan pekerja di Kedai Blackkrino telah melihat dan ianya berkesan untuk merekod untung/rugi perniagaan

The screenshot displays the 'Profit / Loss Report' in the EzyCount system. The interface includes a sidebar menu with options like Home, User Management, Contacts, Products, Purchases, Sell, Reports, and Settings. The main content area shows a summary of financial data for 'All locations' on '11/10/2022'. The 'Total purchase' value of RM 12.50 is highlighted with a red box.

Profit / Loss Report	
Opening Stock (By purchase price):	RM 0.00
Opening Stock (By sale price):	RM 0.00
Total purchase: (Exc. tax, Discount)	RM 12.50
Total Stock Adjustment:	RM 0.00
Total Expense:	RM 0.00
Total purchase shipping charge:	RM 0.00
Purchase additional expenses:	RM 0.00
Total transfer shipping charge:	RM 0.00
Total Sell discount:	RM 0.00
Total customer reward:	RM 0.00
Total Sell Return:	RM 0.00
Closing stock (By purchase price):	RM 0.00
Closing stock (By sale price):	RM 0.00
Total Sales: (Exc. tax, Discount)	RM 25.00
Total sell shipping charge:	RM 0.00
Sell additional expenses:	RM 0.00
Total Stock Recovered:	RM 0.00
Total Purchase Return:	RM 0.00
Total Purchase discount:	RM 0.00
Total sell round off:	RM 0.00

4.3 Hasil Dapatan Analisis Kebolehgunaan

Setelah menganalisis, pengkaji akhirnya dapat membuat kesimpulan secara menyeluruh mengenai fokus kajian yang pengkaji ingin ketengahkan iaitu dapat merekod stok keluar/masuk, hasil jualan dan juga untung/rugi perniagaan. Sebanyak 3 borang analisis kebolehgunaan telah diberikan kepada 3 responden iaitu terdiri daripada pemilik dan pekerja Kedai Blackrino.

Objektif 1 : Memastikan Sistem EzyCount dapat membantu merekodkan stok keluar dan masuk

Soalan	Peratusan %	Responden												
Sistem <i>EzyCount</i> mempunyai butang jumlah pembelian (Total Purchase) untuk melihat stok keluar dan masuk	<table border="1"> <tr> <td>Sangat Tidak Setuju</td> <td></td> </tr> <tr> <td>Tidak Setuju</td> <td></td> </tr> <tr> <td>Neutral</td> <td></td> </tr> <tr> <td>Setuju</td> <td>66.7%</td> </tr> <tr> <td>Sangat Setuju</td> <td>33.3%</td> </tr> <tr> <td colspan="2">100%</td> </tr> </table>	Sangat Tidak Setuju		Tidak Setuju		Neutral		Setuju	66.7%	Sangat Setuju	33.3%	100%		3
Sangat Tidak Setuju														
Tidak Setuju														
Neutral														
Setuju	66.7%													
Sangat Setuju	33.3%													
100%														
Sistem <i>EzyCount</i> menyelesaikan masalah kehilangan stok keluar dan masuk	<table border="1"> <tr> <td>Sangat Tidak Setuju</td> <td></td> </tr> <tr> <td>Tidak Setuju</td> <td></td> </tr> <tr> <td>Neutral</td> <td></td> </tr> <tr> <td>Setuju</td> <td>33.3%</td> </tr> <tr> <td>Sangat Setuju</td> <td>66.7%</td> </tr> <tr> <td colspan="2">100%</td> </tr> </table>	Sangat Tidak Setuju		Tidak Setuju		Neutral		Setuju	33.3%	Sangat Setuju	66.7%	100%		3
Sangat Tidak Setuju														
Tidak Setuju														
Neutral														
Setuju	33.3%													
Sangat Setuju	66.7%													
100%														
Sistem <i>EzyCount</i> ini membolehkan Kedai Blackrino untuk mengatur pembelian stok bulanan dengan tepat dan mudah	<table border="1"> <tr> <td>Sangat Tidak Setuju</td> <td></td> </tr> <tr> <td>Tidak Setuju</td> <td></td> </tr> <tr> <td>Neutral</td> <td></td> </tr> <tr> <td>Setuju</td> <td>33.3%</td> </tr> <tr> <td>Sangat Setuju</td> <td>66.7%</td> </tr> <tr> <td colspan="2">100%</td> </tr> </table>	Sangat Tidak Setuju		Tidak Setuju		Neutral		Setuju	33.3%	Sangat Setuju	66.7%	100%		3
Sangat Tidak Setuju														
Tidak Setuju														
Neutral														
Setuju	33.3%													
Sangat Setuju	66.7%													
100%														
Sistem <i>EzyCount</i> ini tidak memerlukan kiraan stok secara manual	<table border="1"> <tr> <td>Sangat Tidak Setuju</td> <td></td> </tr> <tr> <td>Tidak Setuju</td> <td></td> </tr> <tr> <td>Neutral</td> <td></td> </tr> <tr> <td>Setuju</td> <td>33.3%</td> </tr> <tr> <td>Sangat Setuju</td> <td>66.7%</td> </tr> <tr> <td colspan="2">100%</td> </tr> </table>	Sangat Tidak Setuju		Tidak Setuju		Neutral		Setuju	33.3%	Sangat Setuju	66.7%	100%		3
Sangat Tidak Setuju														
Tidak Setuju														
Neutral														
Setuju	33.3%													
Sangat Setuju	66.7%													
100%														

Hasil dapatan daripada soalan pertama, 66.7% setuju apabila Sistem *EzyCount* mempunyai butang jumlah pembelian untuk melihat stok keluar dan masuk manakala 33.3% sangat setuju. Untuk soalan kedua pula, 66.7% responden sangat setuju dan 33.3% setuju bahawa Sistem *EzyCount* menyelesaikan masalah kehilangan stok keluar dan masuk. Bagi bahagian mengatur pembelian stok, 66.7% sangat setuju dan 33.3% setuju bahawa Sistem *EzyCount* dapat mengatur dengan tepat dan mudah. Maklumbalas seterusnya, 66.7% responden sangat setuju Sistem *EzyCount* tidak memerlukan kiraan stok secara manual manakala 33.3% setuju.

Objektif 2 : Memastikan Sistem EzyCount dapat membantu merekodkan jualan

Soalan	Peratusan %	Responden												
Sistem <i>EzyCount</i> ini dapat menyimpan data hasil jualan (All Sales) Kedai Blackrino setiap hari	<table border="1"> <tr><td>Sangat Tidak Setuju</td><td></td></tr> <tr><td>Tidak Setuju</td><td></td></tr> <tr><td>Neutral</td><td></td></tr> <tr><td>Setuju</td><td>100%</td></tr> <tr><td>Sangat Setuju</td><td></td></tr> <tr><td colspan="2">100%</td></tr> </table>	Sangat Tidak Setuju		Tidak Setuju		Neutral		Setuju	100%	Sangat Setuju		100%		3
Sangat Tidak Setuju														
Tidak Setuju														
Neutral														
Setuju	100%													
Sangat Setuju														
100%														
Sistem <i>EzyCount</i> ini mempunyai butang (Total Sales) yang mudah untuk dipakai bagi merujuk hasil jualan dari semasa ke semasa	<table border="1"> <tr><td>Sangat Tidak Setuju</td><td></td></tr> <tr><td>Tidak Setuju</td><td></td></tr> <tr><td>Neutral</td><td></td></tr> <tr><td>Setuju</td><td></td></tr> <tr><td>Sangat Setuju</td><td>100%</td></tr> <tr><td colspan="2">100%</td></tr> </table>	Sangat Tidak Setuju		Tidak Setuju		Neutral		Setuju		Sangat Setuju	100%	100%		3
Sangat Tidak Setuju														
Tidak Setuju														
Neutral														
Setuju														
Sangat Setuju	100%													
100%														
Sistem <i>EzyCount</i> dapat mengelakkan berlakunya “short” duit kerana mempunyai ciri-ciri seperti (Total Sales) dan (Total Purchase)	<table border="1"> <tr><td>Sangat Tidak Setuju</td><td></td></tr> <tr><td>Tidak Setuju</td><td></td></tr> <tr><td>Neutral</td><td></td></tr> <tr><td>Setuju</td><td>100%</td></tr> <tr><td>Sangat Setuju</td><td></td></tr> <tr><td colspan="2">100%</td></tr> </table>	Sangat Tidak Setuju		Tidak Setuju		Neutral		Setuju	100%	Sangat Setuju		100%		3
Sangat Tidak Setuju														
Tidak Setuju														
Neutral														
Setuju	100%													
Sangat Setuju														
100%														
Sistem <i>EzyCount</i> boleh mengira hasil jualan yang telah ditolak diskaun	<table border="1"> <tr><td>Sangat Tidak Setuju</td><td></td></tr> <tr><td>Tidak Setuju</td><td></td></tr> <tr><td>Neutral</td><td></td></tr> <tr><td>Setuju</td><td>33.3%</td></tr> <tr><td>Sangat Setuju</td><td>66.7%</td></tr> <tr><td colspan="2">100%</td></tr> </table>	Sangat Tidak Setuju		Tidak Setuju		Neutral		Setuju	33.3%	Sangat Setuju	66.7%	100%		3
Sangat Tidak Setuju														
Tidak Setuju														
Neutral														
Setuju	33.3%													
Sangat Setuju	66.7%													
100%														

Hasil dapatan soalan kelima, para responden 100% bersetuju data hasil jualan Kedai Blackrino dapat disimpan setiap hari. Soalan seterusnya, butang (Total Sales) mudah dipakai untuk melihat hasil jualan dari semasa ke semasa dan para responden 100% sangat setuju. Bagi soalan ketujuh, 100% responden bersetuju sistem *EzyCount* dapat mengeleakkan berlakunya “short” duit kerana mempunyai ciri seperti (Total Sales) dan (Total Purchase). Sistem *EzyCount* boleh mengira hasil jualan yang telah ditolak diskaun dan 66.7% responden sangat setuju dan 33.3% setuju.

Objektif 3 : Memastikan Sistem EzyCount dapat membantu merekodkan keuntungan dan kerugian setiap bulan

Soalan	Peratusan %	Responden												
Butang untung / rugi (Profit / Loss) dapat digunakan untuk melihat keuntungan dan kerugian perniagaan Kedai Blackrino	<table border="1"> <tr><td>Sangat Tidak Setuju</td><td></td></tr> <tr><td>Tidak Setuju</td><td></td></tr> <tr><td>Neutral</td><td></td></tr> <tr><td>Setuju</td><td></td></tr> <tr><td>Sangat Setuju</td><td>100%</td></tr> <tr><td colspan="2">100%</td></tr> </table>	Sangat Tidak Setuju		Tidak Setuju		Neutral		Setuju		Sangat Setuju	100%	100%		3
Sangat Tidak Setuju														
Tidak Setuju														
Neutral														
Setuju														
Sangat Setuju	100%													
100%														
Untung / Rugi Kasar (Gross Profit / Loss) dapat dilihat di dalam system EzyCount	<table border="1"> <tr><td>Sangat Tidak Setuju</td><td></td></tr> <tr><td>Tidak Setuju</td><td></td></tr> <tr><td>Neutral</td><td></td></tr> <tr><td>Setuju</td><td>66.7%</td></tr> <tr><td>Sangat Setuju</td><td>33.3%</td></tr> <tr><td colspan="2">100%</td></tr> </table>	Sangat Tidak Setuju		Tidak Setuju		Neutral		Setuju	66.7%	Sangat Setuju	33.3%	100%		3
Sangat Tidak Setuju														
Tidak Setuju														
Neutral														
Setuju	66.7%													
Sangat Setuju	33.3%													
100%														
Sistem <i>EzyCount</i> boleh merekodkan keuntungan dan kerugian dengan tepat	<table border="1"> <tr><td>Sangat Tidak Setuju</td><td></td></tr> <tr><td>Tidak Setuju</td><td></td></tr> <tr><td>Neutral</td><td></td></tr> <tr><td>Setuju</td><td></td></tr> <tr><td>Sangat Setuju</td><td>100%</td></tr> <tr><td colspan="2">100%</td></tr> </table>	Sangat Tidak Setuju		Tidak Setuju		Neutral		Setuju		Sangat Setuju	100%	100%		3
Sangat Tidak Setuju														
Tidak Setuju														
Neutral														
Setuju														
Sangat Setuju	100%													
100%														
Sistem <i>EzyCount</i> boleh mengira jualan bersih / rugi bersih (Net Sales/Loss)	<table border="1"> <tr><td>Sangat Tidak Setuju</td><td></td></tr> <tr><td>Tidak Setuju</td><td></td></tr> <tr><td>Neutral</td><td></td></tr> <tr><td>Setuju</td><td>100%</td></tr> <tr><td>Sangat Setuju</td><td></td></tr> <tr><td colspan="2">100%</td></tr> </table>	Sangat Tidak Setuju		Tidak Setuju		Neutral		Setuju	100%	Sangat Setuju		100%		3
Sangat Tidak Setuju														
Tidak Setuju														
Neutral														
Setuju	100%													
Sangat Setuju														
100%														

Para responden 100% sangat setuju butang untung/rugi dapat digunakan untuk melihat keuntungan dan kerugian perniagaan Kedai Blackrino. Soalan kesepuluh, untung/rugi kasar dapat dilihat di dalam sistem *EzyCount* dan 66.7% responden bersetuju manakala 33.3% sangat setuju dengan itu. Maklumbalas seterusnya, ketiga-tiga responden sangat bersetuju sistem *EzyCount* boleh merekodkan keuntungan dan kerugian dengan tepat. Soalan yang terakhir pula adalah kesemua responden bersetuju bahawa jualan bersih/rugi bersih boleh dikira oleh sistem *EzyCount*.

4.4 Perbincangan (Kelebihan, kekurangan, masalah yang dihadapi ketika pembangunan produk)

Hasil dapatan daripada perbincangan, pengkaji telah berjaya mencipta sistem *EzyCount* yang akan memudahkan pemilik perniagaan Kedai Blackrino dalam proses pengiraan stok dengan lebih sistematik. Dengan penciptaan sistem *EzyCount* ini mempunyai struktur yang lebih teratur dan tersusun, tidak ada lagi masalah kerugian stok atau catatan serta kiraaan stok secara manual. Pada masa yang sama juga telah dapat membantu sedikit sebanyak perniagaan Kedai Blackrino kembali ke landasan yang lebih lancar dan matang.

4.5 Kos yang terlibat

Penciptaan sistem *EzyCount* ini tidak melibatkan sebarang kos untuk memenuhi objektif kajian projek. Pekerja hanya perlu masukkan product, stok yang masuk dan keluar pada sistem *EzyCount* tersebut. Sistem ini mengambil masa selama 3 minggu untuk disiapkan oleh ahli kumpulan.

4.6 Rumusan

Secara keseluruhannya, kajian ini membincangkan sama ada sistem *EzyCount* ini membantu ataupun tidak untuk pemilik Kedai Blackrino. Kami juga dapat mengetahui tentang kelebihan, kekurangan dan masalah yang dihadapi ketika membangunkan sistem ini. Dari sudut lain juga di dalam bab ini kami dapat ketahui tahap kesukaran dalam membangunkan sistem tersebut.

BAB 5 : KESIMPULAN

5.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan mengenai kesimpulan dan cadangan hasil kajian penciptaan sistem yang dinamakan sebagai sistem *EzyCount* dimana juga telah dihasilkan baru-baru ini. Bab ini turut merangkumi kesimpulan dari keseluruhan projek berdasarkan kepada analisis SWOT (Kekuatan, Kelemahan, Ancaman dan Peluang), 4P dan analisis keberkesanan bagi menghasilkan cadangan dan pebahbaikan dalam kajian ini. Ia juga merangkumi kesimpulan keseluruhan penghasilan sistem *EzyCount*.

5.2 Kesimpulan

Penggunaan sistem *EzyCount* mempunyai kelebihan tersendiri untuk memudahkan pemilik dan pekerja Kedai Blackrino daripada segi merekod data jualan dan stok. Ciri-ciri sistem *EzyCount* yang unik ini adalah menyimpan data jualan dengan rapi dan tidak berlaku kecaciran data serta kerugian.

Selain itu, sistem ini juga tidak lari daripada kelemahan pelbagai aspek. Contohnya, merumitkan pengkaji untuk melakukan aktiviti membangunkan sistem tersebut. Seterusnya sistem ini juga boleh digodam oleh pihak luar yang tidak bertanggungjawab seperti penggodam dan sistem *EzyCount* ini memerlukan internet semasa merekod.

Sistem ini diuji oleh pengguna iaitu pemilik dan pekerja Kedai Blackrino bagi membuat penambahbaikan sekiranya mempunyai kekurangan. Antara ciri yang perlu ditambahbaikan adalah halaman expenses untuk memudahkan pengguna mengetahui perbelanjaan harian dan bulanan mereka.

Akhir sekali, sistem *EzyCount* ini mampu berdaya saing dengan baik dipasaran serta dapat membantu memudahkan pemilik kedai dan pekerja yang terlibat dengan aktiviti pengrekodan.

5.3 Cadangan

Produk ini mempunyai banyak kelebihan dan berkesan membantu perniagaan dan pekerja kedai tersebut dalam proses mencatatkan stok keluar dan masuk. Antara kelemahan sistem EzyCount ini adalah perlu menggunakan internet untuk mengaksesnya. Perkara ini dapat diatasi dengan memasang internet yang stabil supaya boleh mengguna sistem tersebut ini dengan mudah dan selesa.

5.4 Limitasi Projek

Kajian selalunya akan berhadapan dengan limitasi dan kajian ini juga tidak terkecuali daripada berhadapan dengan limitasi projek. Limitasi projek yang dihadapi oleh pengkaji dalam menjalankan kajian ini adalah semasa membuat kajian lapangan. Kekangan ini dihadapi disebabkan oleh kekurangan bahan rujukan di negara Malaysia berkaitan dengan topik kajian. Kebanyakan kajian terdahulu iaitu jurnal diambil daripada negara Indonesia. Hal ini memberi sedikit kesukaran kepada pengkaji untuk mentafsir dalam Bahasa Malaysia. Justeru itu, kekurangan bahan rujukan ini menyebabkan pengkaji mengambil tempoh masa yang lama untuk mencari bahan rujukan yang bersesuaian dengan tajuk kajian iaitu kajian dalam membina sistem *EzyCount* dan perlu mentafsir ayat ke dalam Bahasa Malaysia.

5.5 Rumusan

Secara dasarnya, kajian ini membincangkan mengenai penghasilan produk inovasi Sistem *EzyCount* yang dibangunkan untuk kegunaan Kedai Blackrino. Bab yang pertama membuat kajian mengenai masalah yang dikaji, objektif kajian, persoalan kajian, skop kajian dan kepentingan kajian tentang Kedai Blackrino. Bab yang seterusnya iaitu bab kedua membincangkan tentang kajian lapangan iaitu kajian terdahulu yang berkaitan dengan objektif kajian. Bab yang ketiga membincangkan mengenai metodologi iaitu terdiri daripada tinjauan analisis keperluan, pembangunan rangka tindak, pembangunan Sistem *EzyCount*, ujilari sistem, penambahbaikan sistem dan tinjauan kebolegunaan sistem. Seterusnya iaitu bab keempat yang mengulaskan tentang dapatan kajian, pencapaian objektif kajian, dan kos yang terlibat. Akhir sekali, bab kelima merangkumi kesimpulan daripada keseluruhan projek, cadangan dan limitasi projek yang dilakukan oleh pengkaji.

RUJUKAN

- Alia Syafiqah Zainol, Zaimah Ramli (2019). Pengurusan Kewangan Usahawan MADA: Kajian Kes di Kubang Pasu, Kedah. *Jurnal Wacana Sarjana* 3(4), 1–10.
<https://spaj.ukm.my/jws/index.php/jws/article/download/290/234/>
- Alia Syafiqah Zainol, Zaimah Ramli (2019). Pengurusan Kewangan Usahawan MADA: Kajian Kes di Kubang Pasu, Kedah. *Jurnal Wacana Sarjana* 3(4), 1–10.
<https://spaj.ukm.my/jws/index.php/jws/article/download/290/234/>
- Maulana Hasanudin (2018). Rancang Dan Bangun Sistem Informasi Inventori Barang Berbasis Web. *Jurnal Ikraith-Informatika*, 2(3), 24–37. <https://journals.upi-yai.ac.id/index.php/ikraith-informatika/article/view/254/148>
- Maulana Hasanudin (2018). Rancang Dan Bangun Sistem Informasi Inventori Barang Berbasis Web. *Jurnal Ikraith-Informatika*, 2(3), 24–37. <https://journals.upi-yai.ac.id/index.php/ikraith-informatika/article/view/254/148>
- Muhamad Baihaqi Sukaini, Muhaini Othman (2022) Sistem Pengurusan Inventori *Inventory Management System*. Publisher.uthm.edu.my.
<https://publisher.uthm.edu.my/periodicals/index.php/aitcs/article/view/2182/1888>
- Nindian Puspa Dewi & Ridho Abdi Fadlillah. (2021). Rancang Bangun Sistem Informasi Manajemen Inventori Berbasis Web dan Android. (*JurTI*) *Jurnal Teknologi Informasi*, 5(1), 32–41. <http://jurnal.una.ac.id/index.php/jurti/article/view/1791/1666>
- Nur Afifah Ahmad, & Norhidayah Mohamad Yusop. (2021). Tahap Pengurusan Kewangan Di Kalangan Usahawan Perusahaan Kecil Dan Sederhana Di Daerah Ketereh. *Jurnal Dunia Perniagaan*, 3(3), 25–35. <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpn/article/view/16075>

- Nur Afifah Ahmad, Norhidayah Mohamad Yusop (2021). Penggunaan Sistem Perakaunan Berkomputer Di Kalangan Usahawan Perusahaan Kecil Dan Sederhana Di Sekitar Bandar Kota Bharu, Kelantan. *Jurnal Dunia Perniagaan e-ISSN : 2710-5792* Vol. 3, No. 1, Halaman 1-11. <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpm/article/view/12908/6647>
- Nur Afifah Ahmad, Norhidayah Mohamad Yusop (2021). Penggunaan Sistem Perakaunan Berkomputer Di Kalangan Usahawan Perusahaan Kecil Dan Sederhana Di Sekitar Bandar Kota Bharu, Kelantan. *Jurnal Dunia Perniagaan e-ISSN : 2710-5792* Vol. 3, No. 1, Halaman 1-11. <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpm/article/view/12908/6647>
- Nur Nadia Mohd Lazim, R. Chandrashekar & Muhammad Ammar Shafi (2020) *Pengurusan Inventori Optimum dengan Menggunakan Aplikasi Model Kuantiti Pesanan Ekonomi (EOQ) : Kajian Kes di Batu Pahat*. *Research in Management of Technology and Business* Vol. 1, Halaman 1-12
<https://penerbit.uthm.edu.my/periodicals/index.php/rmtb/article/view/588/218>
- Nuryasin, Alvin Handrianto Saputra, Tomi Hardi, Irfan Fadholur (2019). Analisis dan Perancangan Sistem Informasi Inventory Barang pada PT Cipta Rasa Multindo. *Applied Information System and Management (AISM)*, 2(1), 17–22.
<https://doi.org/10.15408/aism.v2i1.20205>
- Sepeai, N., & Ramli, Z. (2019). Pengurusan Kewangan Usahawan: Kajian Kes Usahawan KADA di Kota Bahru, Kelantan. *Jurnal Wacana Sarjana*, 3(3), 1–13.
<https://spaj.ukm.my/jws/index.php/jws/article/view/279/226>
- Sopian Ajil, Dany Pratmanto (2021). Sistem Informasi Inventory Barang Menggunakan Metode Waterfall. *Indonesian Journal on Software Engineering (IJSE)*, 7(1), 93–99.
<https://doi.org/10.31294/ijse.v7i1.10601>

Syarifah Norhafiza (2004) Amalan Perakaunan di Kalangan Perniagaan Kecil di Jengka
Prosiding KONAKA 2004.

<https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/58351/1/58351.PDF>

Zuria Fatmi & Hartini Jaafar (2022). Pelaksanaan Perakaunan Awan di Malaysia: Peluang dan
Cabaran. *International Journal of Accounting*, 7(40), 19–27.

<https://doi.org/10.55573/IJAFB.074003>